

SOALAN NO. 107**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERTHORMAT TUAN WONG TIEN FATT @
WONG NYUK FOH [SANDAKAN]**

TARIKH : 24 JULAI 2017

SOALAN :

YB Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah tindakan lanjut yang akan diambil oleh Kerajaan Persekutuan ekoran pembentangan laporan Jawatankuasa hak-hak Sabah yang dibentangkan oleh Kerajaan Negeri Sabah.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perjanjian Malaysia yang telah ditandatangani antara pihak British, Persekutuan Tanah Melayu, Sabah, Sarawak dan Singapura pada 9 Julai 1963 secara jelas menetapkan obligasi pihak-pihak untuk mengambil tindakan perundangan, eksekutif dan tindakan lain bagi mengadakan peruntukan untuk menjamin dan melindungi kepentingan rakyat Sabah dan Sarawak. Sehubungan dengan itu, pelaksanaan Perjanjian Malaysia telah dibuat melalui peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan dan juga undang-undang lain yang berkaitan.

Jawatankuasa Bersama Mengkaji *Empowerment* Secara Pentadbiran Kepada Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak (JBMES) juga telah ditubuhkan oleh Kerajaan bagi mengkaji perkara yang boleh dan akan diberi *empowerment* secara pentadbiran kepada Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak secara berperingkat. Cadangan-cadangan JBMES yang dipersetujui antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak akan dilaksanakan secara berperingkat.

Pelaksanaan *empowerment* secara pentadbiran dan berperingkat adalah berdasarkan kepada ketetapan yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang negara. *Empowerment* secara pentadbiran ini tertumpu kepada fungsi-fungsi operasi dan pentadbiran

tanpa melibatkan implikasi perundangan yang memerlukan pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan atau mana-mana undang-undang negara yang berkaitan, termasuklah perkara-perkara yang telah disenaraikan dalam Senarai Persekutuan, Senarai Negeri dan Senarai Bersama.

Selain pelaksanaan penurunan kuasa kepada Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak tersebut, pada 11 Mei 2016 Jemaah Menteri telah bersetuju supaya pelaksanaan *devolution of authority* kepada Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak dilaksanakan berpandukan hak-hak serta kuasa autonomi yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan. Dalam hal ini, Jemaah Menteri bersetuju supaya Yang Berhormat Dato' Sri Anifah bin Aman, Menteri Luar Negeri dan Yang Berhormat Dato' Sri Hajah Nancy binti Haji Shukri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri bersama-sama dengan Jabatan Peguam Negara, meneliti semua hak serta kuasa autonomi yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan kepada Sabah dan Sarawak termasuklah dari segi peraturan-peraturan sedia ada dalam pelaksanaan *devolution of authority* kepada Sabah dan Sarawak.

Susulan keputusan Jemaah Menteri itu, Jawatankuasa Pemandu dan Jawatankuasa Teknikal telah dibentuk yang dianggotai oleh wakil Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak dan wakil daripada Kerajaan Persekutuan.

Mesyuarat di peringkat Jawatankuasa Teknikal telahpun diadakan manakala Mesyuarat Peringkat Jawatankuasa Pemandu akan diadakan dalam masa terdekat. Proses pelaksanaan *devolution of authority* ini merupakan suatu

proses yang berterusan dan rundingan dengan pihak-pihak yang berkenaan masih dijalankan.

Kedua-dua proses penurunan kuasa dan *devolution of authority* yang sedang dilaksanakan ini membuktikan keseriusan dan komitmen Kerajaan Persekutuan dalam mencari langkah penyelesaian yang terbaik bagi isu yang telah dibangkitkan oleh Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak.

Sekian, terima kasih.